



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600 – 10/26/4 Jld. ~~18(82)~~

06
Disember 2017

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA EDISI 2018

Dengan segala hormatnya, surat siaran Bahagian ini bertajuk Pemantapan Aktiviti Pembangunan Sahsiah Murid Asrama Harian Kementerian Pendidikan Malaysia – Program Hafazan Murid Asrama, rujukan KP(BPSH-SPKIA)703/17(34) bertarikh 13 Januari 2015 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, pelaksanaan program ini sejak tahun 2015 telah menunjukkan kesan yang positif terhadap aspek membaca dan menghafaz surah-surah pilihan dan wirid harian terpilih. Dapatan analisa dan maklumbalas pelaksanaan program 2015-2017 ini juga telah menampakkan aspek negatif yang perlu dibuat penambahbaikan segera iaitu masih terdapat murid asrama harian yang tidak mengenal huruf dan tidak boleh membaca Al-Quran walaupun telah berada di sekolah menengah.
3. Selain itu, masih terdapat sekolah-sekolah yang tidak melaksanakan program hafazan ini secara teratur, tiada penglibatan menyeluruh daripada semua guru, malah ada sekolah yang belum lagi melaksanakan program hafazan ini.
4. Bahagian ini telah melaksanakan semakan semula modul Program Hafazan Murid Asrama Harian KPM berdasarkan dapatan dan maklumbalas pelaksanaan. Mulai tahun 2018, semua murid beragama Islam yang tinggal di asrama harian (sekolah rendah dan sekolah menengah) Kementerian Pendidikan Malaysia **DIWAJIBKAN** untuk mengikuti Program Hafazan. Pihak sekolah hendaklah memastikan pelaksanaan program ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan berdasarkan Panduan Pelaksanaan Program Hafazan Murid Asrama Harian, KPM Edisi 2018.

“1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung



**PENAMBAHBAIKAN PROGRAM HAFAZAN MURID ASRAMA HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA EDISI 2018**

KPM.600 – 10/26/4 Jld. 18 (82)

86 Disember 2017

5. Bersama ini disertakan Panduan Pelaksanaan untuk rujukan YBhg. Datuk/Tuan. Panduan Pelaksanaan ini juga boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat www.moe.gov.my.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan tentang pelaksanaan program ini ke semua sekolah harian berasrama di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung ke Bahagian ini melalui telefon 03-88849342/9409 atau e-mel bahrin@moe.gov.my atau juraidah.jalaluddin@moe.gov.my.


Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ KEMENJADIAN MURID ASRAMA TANGGUNGJAWAB BERSAMA “

Saya yang menurut perintah,



PESOL BIN MD/SAAD
b/p Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia